

# Pak Lah tunjang perpaduan

**M**ELAKA: Sokongan padu kepada kepimpinan Datuk Seri Abdul Lah Ahmad Badawi dan pentingnya perpaduan sebagai tunjang utama kekuatan Umno, akan menjadi intipati utama ucapan wakil Pergerakan Pemuda Umno Melaka pada perbahasan di Perhimpunan Agung Umno kali ini.

Pemuda Umno Melaka memutuskan tidak membahaskan isu ekonomi dan sosial, sebaliknya memfokuskan kepada sokongan padu kepada Presiden parti yang dipilih suara majoriti dan pentingnya perpaduan dalam parti.

Ketua Pemuda Umno negeri, Ashakari Abu Noor, berkata beliau sudah memberi garis panduan berkenaan dalam perjumpaan dengan ahli pergerakan Pemuda Umno negeri, malam kelmarin.

Beliau berkata, ramai perwakilan mengambil bahagian dalam perbahasan dan semua isu termasuk isu semasa, politik, ekonomi dan sosial, pasti akan disentuh.

Namun katanya, Pemuda Umno Melaka

mengambil pencarian fokus kepada dua isu pokok - kepimpinan dan perpaduan.

"Negara kita diangkat sebagai model oleh banyak negara luar dan terkini Thailand dilihat sebagai menjadikan Malaysia sebagai 'role model' dengan mengambil contoh kejayaan kerajaan kita yang mengamalkan sistem perkongsian.

"Kita memberikan hak sama rata kepada semua kaum. Kerajaan baru di Thailand juga merasakan kaedah itu paling sesuai sehingga individu Islam turut dilantik dalam Kabinet Kerajaan barunya," katanya kepada Berita Harian.

Ashakari berkata, Pemuda Umno Melaka yang akan menghantar 24 perwakilan memilih Naib Ketua Pemuda Bukit Katil, Sapian Abu Sop, sebagai wakilnya, untuk berbahas pada perhimpunan kali ini

Beliau berkata, wakil Melaka juga akan menyentuh kepada keberkesanan gerakkerja Pemuda khususnya kejayaan Pemuda mendahului dari segi kempen penambahan keahlian.